

NO. SOALAN : 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG**  
**[ IPOH TIMOR ]**

**TARIKH : 12 MAC 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ] minta PERDANA MENTERI menyatakan status terkini projek *high-speed rail* (HSR) dari Kuala Lumpur ke Singapura yang dijangka akan bermula pada tahun 2016. Adakah Kerajaan berhasrat memberikan kontrak tersebut secara sistem tender terbuka (*open tender*).

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, projek *High-Speed Rail* (HSR) dari Kuala Lumpur ke Singapura kini berada di peringkat penentuan parameter yang melibatkan penstrukturran butiran terperinci projek termasuk pengenalpastian jajaran dan lokasi stesen, kaedah-kaedah pelaksanaan dan perolehan bersama pihak-pihak berkepentingan, termasuk Kerajaan Singapura.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN  
[ PARIT ]**

**TARIKH : 12 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7504**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [ Parit ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik bilangan warga asing yang tinggal lebih tempoh setelah memasuki Malaysia semenjak lima tahun yang lalu. Apakah usaha Kementerian dan mekanisme yang dipraktikkan bagi mengesan dan mengenakan tindakan undang-undang terhadap mereka sebelum menghantar mereka pulang ke negara asal.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman, bilangan warga asing yang tinggal lebih tempoh setelah memasuki Malaysia sejak lima tahun yang lalu adalah seramai 61,806 orang. Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan agensi-agensi penguatkuasa di bawahnya, khususnya Jabatan Imigresen Malaysia Malaysia (JIM) sentiasa memberikan perhatian dan tindakan serius terhadap warga asing telah melanggar undang-undang di negara ini. Mekanisme yang dipraktikkan bagi mengesan dan mengenakan tindakan undang-undang terhadap mereka sebelum menghantar pulang ke negara asal adalah melalui tindakan penguatkuasaan seperti tangkap, dakwa dan usir.**

**Operasi penguatkuasaan ini telah menjadi agenda utama KDN dan akan diadakan secara berterusan dengan melibatkan agensi-agensi dalam Kementerian Dalam Negeri (KDN) seperti JIM, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Pertahan Awam Malaysia (JPAM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan agensi-agensi lain iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain.**

Untuk makluman, JIM khususnya telah mengambil beberapa tindakan untuk mengawal kemasukan Pendatang Asing ke negara ini dengan mengetatkan lagi kawalan dan meningkatkan pengurusan di pintu-pintu masuk sempadan. Mekanisme yang sedia ada melibatkan pertimbangan pemberian visa di perwakilan Malaysia di luar negara dan pertimbangan pemberian Pas di pintu-pintu masuk akan diperketatkan lagi.

Pendatang asing yang telah tinggal lebih masa juga dikenakan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 15(1)(c), Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002). Pendatang asing yang ditahan akan dikenakan tindakan undang-undang dan dihantar pulang ke negara asal. Seramai 17,908 orang telah diambil tindakan undang-undang mengikut kesalahan di bawah seksyen 15 (1)(c), Akta Imigresen 1959/63 dari tahun 2010 hingga 2014 sebelum dihantar pulang ke negara asal mereka.

Pendatang asing yang ditahan atau yang telah dikenakan tindakan undang-undang akan dihantar pulang ke negara asal dan kos ditanggung oleh pekerja, majikan atau kedutaan. Kerajaan tidak akan menanggung sebarang kos penghantaran pulang PATI.